

Isnin – 8 Februari 2021

Halaman : 14

Polis tahan pasangan suami isteri Orang Asli larikan diri dari hospital

Jalan kaki sejauh 40 kilometer

Oleh ROHANA MOHD. NAWI

KOTA BHARU – Pasangan suami isteri Orang Asli suku kaum Temiar yang mlarikan diri dari Hospital Sultan Ismail Petra (HSIP) Kuala Krai Jumaat lalu selepas anak mereka yang berusia 25 hari disahkan positif Covid-19 ditahan kelmarin.

Kedua-dua pasangan itu ditahan ketika berada di sebuah pondok di sekitar Kampung Sungai Sam, Kuala Krai selepas mereka dipercayai berjalan kaki sejauh kira-kira 40 kilometer menyusuri laluan jalan raya ke kawasan tersebut.

Ketua Polis Kelantan, Datuk



KERATAN Kosmo! kelmarin.

Shafien Mamat berkata, polis bergegas ke lokasi itu selepas menerima maklumat melalui panggilan telefon daripada se-

orang individu dari Jabatan Kemajuan Orang Asli pada pukul 5.30 petang kelmarin.

“Pasangan terbabit memberi kerjasama dengan pihak polis dan dibawa ke HSIP untuk menjalani ujian saringan Covid-19.

“Mereka akan dikuarantin selama 14 hari sementara menunggu keputusan ujian saringan itu,” katanya di sini semalam.

Menurut Shafien, polis turut menjalankan siasatan terhadap pasangan terbabit kerana telah mlarikan diri.

Tambahnya, kes disiasat mengikut Seksyen 22(b) Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit/ 270

Kanun Keseksaan.

Kosmo! semalam melaporkan, polis sedang menjelaki pasangan suami isteri Orang Asli yang dipercayai positif Covid-19 selepas mereka mlarikan diri dari HSIP, Kuala Krai kelmarin.

Pasangan terbabit dari Kampung Polis Tohoi, Gua Musang dekat sini disedari mlarikan diri selepas meninggalkan anak mereka yang berusia 25 hari di hospital berkenaan selepas bayi itu disahkan positif Covid-19.

Kejadian disedari berlaku kira-kira pukul 9.30 malam selepas pihak hospital menyedari ibu bayi itu Elina Aling, 33, tiada di wad.



SHAFIEN